



BUKU PANDUAN MENGURUS DAN MELAPORKAN **TINDAKAN TATATERTIB** JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

<http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/320?mid=47>

1. SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2021 : PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

- Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan dasar pemakaian pakaian batik Malaysia bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan.
- Semua pegawai adalah digalakkan untuk memakai pakaian batik Malaysia pada setiap hari Khamis. Ketetapan baharu ini meminda kehendak pemakaian pakaian batik Malaysia menurut perenggan 4, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 mengenai Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi.
- Pemakaian pakaian batik Malaysia juga adalah digalakkan bagi pegawai yang menghadiri majlis rasmi di dalam atau di luar negara seperti persidangan antarabangsa atau perjumpaan dengan pelawat asing.
- Untuk maklumat lanjut sila layari :

<https://docs.jpa.gov.my/docs/spp/2021/spp012021.pdf>

2. HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA 2021 – HAK ANDA, PERANAN ANDA, KATAKAN TIDAK PADA RASUAH

- Hari Antirasuah Antarabangsa 2021 ini memfokuskan pada hak dan tanggungjawab semua pihak – kerajaan, penjawat awam, pegawai penguatkuasaan, wakil media, sektor swasta, masyarakat umum, ahli akademik dan belia dalam memerangi rasuah.
- Bagi mempertahankan hak kita, kita semua harus menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha membanteras rasuah. Untuk tahun 2021, Hari Antirasuah Antarabangsa disambut pada 9 Disember 2021.

3. PEMATUHAN PEMBASMIAN PENYALAHGUNAAN DADAH MELALUI UJIAN SARINGAN AIR KENCING BAGI PEGAWAI PERTANIAN GRED G41 DAN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29 LANTIKAN BAHRU AMBILAN JULAI 2021 JABATAN PERTANIAN

- Putrajaya, 17 November 2021 – Unit Integriti telah menjalankan satu program Pematuhan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah Melalui Ujian Saringan Air Kencing Bagi Pegawai Pertanian Gred G41 dan Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 Lantikan Baharu Ambilan Julai 2021 Jabatan Pertanian dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Putrajaya bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
- Seramai empat orang pegawai AADK telah terlibat dalam pelaksanaan program ini. Pematuhan ini dilaksanakan secara mengejut ke atas 10 orang Pegawai Pertanian Gred G41 dan 6 orang Penolong Pegawai Pertanian Gred G29 lantikan baharu ambilan Julai 2021 yang ditempatkan di Bahagian-Bahagian Jabatan Pertanian Putrajaya melalui ujian saringan air kencing.

4. GANJARAN & PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN RASUAH

- Tahukah anda? Penjawat awam yang melaporkan rasuah layak diberi ganjaran dan pengiktirafan!

BENTUK GANJARAN :

- Jumlah ganjaran berdasarkan nilai sogokan yang dilaporkan.
- Nilai ganjaran setara dengan nilai sogokan ("dollar-to-dollar").
- Jika sogokan dalam bentuk harta alih / tidak alih (kereta, rumah dsb.) nilai pasaran digunakan.
- Nilai minimum : RM500
- Pengiktirafan dalam bentuk :
 - Sijil penghargaan; atau
 - Pertimbangan untuk pencalonan anugerah pingat

KRITERIA :

- Aduan mesti dilaporkan kepada SPRM.
- Pelapor hendaklah memberi kerjasama penuh hingga selesai perbicaraan.
- Kes hendaklah mendapat sabitan mahkamah sehingga tamat semua peringkat rayuan.
- Pengiktirafan diberikan kepada individu (bukan jabatan/agensi).
- Pesara juga layak diberi pengiktirafan sekiranya aduan rasuah dibuat ketika masih berkhidmat.

